

MAJLIS PELANCARAN ARCA SAMBUTAN 10 TAHUN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pada hari ini kita akan sama-sama menyaksikan pelancaran Arca Sambutan Ulangtahun Ke-10 Universiti Malaysai Sabah. Arca ini akan menjadi simbol dan mercu tanda kewujudan UMS yang bermula sejak 24 November 1994 lagi.

Sudah pasti, dalam tempoh 10 tahun ini, proses pembangunan universiti ini telah mengalami pelbagai cabaran, rintangan dan dugaan yang perlu dilalui sehingga universiti ini mampu berdiri sendiri seperti mana yang dapat kita lihat dan rasai pada hari ini.

Mengimbas kembali sejarah penubuhan universiti ini, UMS bermula daripada sebuah pejabat atau bilik kecil di Kementerian Pendidikan Malaysia pada 1 September 1994, kemudian berpindah ke sebuah banglo yang disewa dari Universiti Malaya di Petaling Jaya pada November 1995. Selepas itu, ketika pengambilan pelajar perintis seramai 205 orang pada Julai 1995, pejabat pentadbiran UMS telah mula berpindah ke Kota Kinabalu, iaitu di Bangunan Gaya Centre sehingga bulan Mei 2000.

Pada 25 Disember 1995 Pejabat Hal Ehwal Pelajar telah berpindah ke Bangunan Kolej Kediaman Yayasan Sabah di Teluk Likas dan bangunan berkenaan telah dijadikan pusat pentadbiran dan pengajaran untuk Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, dan Sekolah Sains Sosial. Seterusnya pada bulan September 1996, UMS telah mendapat kelulusan untuk menyewa Kompleks Telekom, Jalan Tuaran sebagai kampus sementara universiti dan telah menempatkan pentadbiran dan pengajaran bagi Sekolah Sains & Teknologi dan Sekolah Kejuruteraan & Teknologi Maklumat.

Pada Mei 2000, barulah pentadbiran kampus ini telah berpindah sepenuhnya ke kampus tetap di mana kita berada sekarang. Beberapa simbolik dan manifestasi di sebalik kewujudan arca 10 tahun UMS ini, iaitu;

1. Lambang kebanggaan pencapaian universiti selepas sedekad pembangunannya.
2. Lambang untuk warga UMS berkerja sebagai satu pasukan tanpa mengira jawatan dan tugas untuk sama-sama mencapai matlamat UMS menjadi sebuah universiti yang cemerlang, gemilang dan terbilang.
3. Lambang UMS sentiasa menjadi obor ke arah pencapaian yang cemerlang dalam pelbagai bidang akademik, penghasilan graduan yang berkualiti, penyelidikan, penerbitan dan penemuan-penemuan baru.
4. Lambang perpaduan UMS sebagai satu kelompok yang gagah, berani, cekal dan berjuang

Sesungguhnya, pembangunan yang dikecapi oleh universiti sehingga hari ini bukanlah atas usaha dan komitmen mana-mana pihak sahaja, kejayaan universiti ini adalah hasil kerjasama dan bantuan semua pihak dalam universiti khususnya iaitu ahli-ahli lembaga pengarah universiti, ahli-ahli senat, Jabatan, Sekolah, Pusat, Institut, Unit dan semua peringkat kakitangan sama ada kakitangan akademik, pentadbiran dan sokongan universiti ini. Juga kejayaan ini banyak dibantu oleh pihak Kerajaan Pusat dan Negeri Sabah.

Justeru itu, dikesempatan ini, suka saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak berkenaan yang telah banyak membantu bersama-sama membangunkan universiti ini.

Sedekad kewujudan universiti ini telah memperlihatkan pelbagai kemajuan yang pada hemat saya telah mampu menjadi asas yang kukuh untuk universiti ini terus bergerak maju ke hadapan.

1. Pengurusan Kualiti Universiti

Dari sudut pengurusan kualiti, UMS merupakan IPTA yang pertama berjaya memperolehi status kualiti terbaru iaitu MS ISO 9001 : 2000 dalam bidang pengurusan pengajaran dan pembelajaran universiti.

UMS turut berjaya mencapai status Multimedia Super Corridor atau MSC dalam bidang sains komputer dan sistem pengurusan maklumat di Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat; dan Sekolah Sains Informatik Labuan melalui program e-dagang dan teknologi multimedia.

Pencapaian status ini harus menjadi dorongan kepada tenaga akademik untuk menjadikan UMS sebuah universiti yang mampu menghasilkan penyelidikan dan penemuan baru yang mempunyai tambah nilai ilmu.

2. Penyelidikan

Dari sudut penyelidikan pula, UMS telah mendapatkan beberapa geran penyelidikan dan berjaya menghasilkan penemuan-penemuan penyelidikan yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan, ini termasuklah kajian rumpai laut di Institut Penyelidikan Marin Borneo, kajian Kacip Fatimah di Institut Biologi dan Tropika Pemuliharaan, kajian pembangunan '*low cost housing*' berasaskan sisa kelapa sawit di Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat dan peralatan permainan matematik (*mathematical games*) di Sekolah Sains & Teknologi.

Yang paling membanggakan kita setakat ini ialah kejayaan sepasukan penyelidik kita semasa menyertai '*The 32nd International Exhibition of Invention of New Techniques and Products*' di Geneva, Switzerland pada April 2004. Sebanyak 8 hasil kajian tenaga akademik telah dipamerkan dan dipertandingkan, pasukan UMS telah berjaya merangkul 7 pingat iaitu 1 pingat emas, 5 perak dan 1 gangsa. Kejayaan di peringkat antarabangsa ini membuktikan bahawa UMS sudah mempunyai kualiti penyelidikan yang menepati piawaian antarabangsa. Kejayaan ini juga adalah pengiktirafan terhadap kemampuan tenaga penyelidik serta akademik universiti ini. Semua ini meyakinkan kita bahawa UMS mampu menjadi universiti yang berinovatif dan bertaraf dunia.

Saya yakin, semua ini akan lebih mendorong kakitangan akademik UMS untuk terus berusaha mencapai kejayaan yang lebih gemilang di masa hadapan.

3. Pembangunan Pelajar

Dari segi pembangunan pelajar pula, kita telah mampu meletakkan landasan yang agar baik untuk membolehkan pelajar kita bersaing sama di peringkat nasional atau antarabangsa. Dari sudut akademik, kita dapat melihat jumlah pelajar yang mendapat kelas pertama setiap majlis konvokesyen diadakan kian meningkat.

Selain dari itu, pada awal tahun ini seorang pelajar dari Sekolah Sains dan Teknologi telah dipilih sebagai pemenang Anugerah The Malaysian Solid State Science and Technology Society (MASS) 2002/2004 bagi kategori Disertasi Terbaik Projek Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda Sains. Pelajar ini adalah pemenang sulung kerana sebelum ini tidak ada calon yang layak menerima anugerah berkenaan yang diadakan buat kali kedua.

Pelajar UMSKAL juga telah mampu memperlihatkan kecemerlangannya apabila dipilih sebagai universiti tempatan pertama yang terlibat secara langsung dalam sebuah pertubuhan amal antarabangsa yang berpusat di England iaitu Raleigh International yang menjalankan aktiviti sukarela di daerah pedalaman Sabah dan Sarawak. Pelajar ini bersama peserta lain dari England dan Ireland telah bekerjasama dengan masyarakat luar bandar dalam kerja-kerja kemasyarakatan seperti membina jambatan di Long Lelallang, Sarawak, membina perpustakaan kecil di Kampung Kiau Taburi, Kota Belud serta membantu kerja-kerja pemuliharaan alam sekitar di Hutan Simpan Meliau dan Lembah Danum. Inilah antara usaha murni yang menjadi kebanggaan universiti kita.

Sekali lagi kita lihat keaktifan pelajar UMS apabila mereka dipilih mewakili Malaysia dalam pertandingan berprestij L'Oreal e-Strat Challenge edisi 2004 ke peringkat Zon Asia-Australia. Dari segi aktiviti sukan dan ko-kurikulum pula, pelajar kita telah membuktikan kepada negara apabila pasukan debat UMS berjaya menjadi Johan Debat Di Raja pada tahun lepas mengalahkan 17 IPTA lain.

Sesungguhnya, semua ini membuktikan pelajar kita sememangnya mampu berdiri sama tegak dan duduk sama rendah dengan pelajar-pelajar dari universiti tempatan mahupun luar negara. Oleh itu, saya berharap kepada Dekan-Dekan dan Pengarah serta ahli akademik agar terus memberikan sokongan dan bantuan terhadap apa jua aktiviti pelajar.

4. Hubungan Antarabangsa

Sejajar dengan misi dan visi UMS untuk menjadi universiti bertaraf dunia, maka proses pengantara-bangsaan Universiti akan terus diberi penekanan yang utama. Pendedahan global di kalangan para pelajar dan juga kakitangan serta hubungan kerjasama antara universiti dengan institusi antarabangsa akan terus dipertingkatkan.

Untuk itu, bermula awal tahun 2003, UMS telah menghantar sekumpulan pelajar Institut Penyelidikan Marin Borneo untuk menjalankan program '*student attachment*' di beberapa universiti dan institusi terkenal di Jepun, seperti Kinki University, dan juga Filipina.

Program-program lawatan sambil belajar yang dilakukan oleh kumpulan pelajar UMS telah mampu meneroka dan melihat beberapa kecemerlangan beberapa institusi di negara-negara asing seperti di United Kingdom, New Zealand, Perancis, Australia, India, China, Jepun, Korea, Thailand, Singapura, Indonesia dan Negara Brunei Darussalam. Semua ini akan memberi nilai tambah pengetahuan kepada para pelajar UMS.

Dari segi hubungan kerjasama universiti pula, sehingga kini lebih 50 buah universiti dan institusi luar negara telah mengadakan kerjasama dengan UMS sama ada dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pertukaran pelajar dan kakitangan; dan sebagainya.

Antaranya dengan University of Oxford dan University of Leeds, University of Bristol di United Kingdom; Kasetsart University di Thailand, The Royal Veterinary and Agricultural University, di Denmark, Chuo College of Social Work di Jepun, Northern Territory University, Australia, dan lain-lain.

Kecemerlangan universiti ini harus teruskan dan diperkukuhkan di masa hadapan. Cabaran utama yang perlu dihadapi dan diperjuangkan oleh warga universiti ini, khususnya para pentadbir dan pensyarah universiti, ialah memperkukuhkan pengisian dan kualiti pendidikan UMS.

Bersempena dengan sambutan ulangtahun ke-10 UMS ini, suka saya menggariskan 10 cabaran yang pada hemat saya adalah penting untuk diberi perhatian dan tindakan lanjut bagi memastikan UMS akan terus cemerlang, gemilang dan terbilang mendepani misi dan visinya.

Cabaran-cabaran tersebut ialah;

1. Meningkatkan kapasiti dan keupayaan pengurusan sumber manusia khususnya dari segi kualiti, kemahiran dan kecekapan kakitangan universiti.
2. Meningkatkan latihan dan pendedahan kakitangan pentadbiran universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti melalui *'training attachment'* dengan mana-mana universiti luar negara.
3. Meningkatkan bilangan professor dan pensyarah yang berkualiti bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran universiti.
4. Meningkatkan kemudahan dan teknologi penyelidikan untuk para penyelidik dan tenaga akademik mengembangkan sumber penyelidikan mereka.
5. Meningkatkan hubungan kerjasama atau integrasi di kalangan penyelidik dan tenaga akademik universiti bagi mewujudkan penyelidikan yang bersepadu, lebih berkualiti dan mampu diketengahkan di peringkat antarabangsa.
6. Meningkatkan penglibatan penyelidikan universiti di peringkat antarabangsa.
7. Meningkatkan keupayaan dan kualiti pengurusan hal ehwal pelajar melalui pengisian program-program pelajar yang bersifat *'self-oriented'* iaitu di mana pelajar diberi pendedahan yang lebih luas untuk mengurus, mengorganisasi dan melaksana aktiviti mereka.
8. Meningkatkan pelaksanaan dan penyertaan aktiviti pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui aktiviti sukan dan ko-kurikulum, *'student attachment'*, dan lain-lain berkaitan.
9. Meningkatkan usaha mempromosi UMS di peringkat antarabangsa untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa khususnya di peringkat pascasiswazah.
10. Meningkatkan hubungan kerjasama pintar universiti dengan universiti luar negara dan juga pihak-pihak industri yang terkemuka agar program-program pengajian yang ditawarkan di universiti ini sentiasa memenuhi kehendak industri-industri berkenaan.

Akhir kata, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan universiti, sama ada yang masih berkhidmat mahupun tidak, dan yang terlibat secara langsung mahupun tidak membantu membangunkan universiti ini, ini termasuklah pihak Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Malaysia, badan dan institusi awam serta swasta, para media massa dan juga orang perseorangan yang telah menyumbang kepada kecemerlangan UMS sehingga ke hari ini.

Semoga UMS akan terus terus mampu menyumbang ke arah pembentukan bangsa dan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Ucapan Sempena Majlis Pelancaran Arca Sambutan 10 Tahun Universiti Malaysia Sabah di Perkarangan Dewan Canselor pada 9 September 2004.